



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: **MBPJ.UKK.100-9/1/7 (1)**

Tarikh: **13 Januari 2025**

MBPJ HARGAI KOMUNITI DI MAJLIS APRESIASI KEBAHAGIAAN WARGA PETALING JAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) komited menghargai sumbangan dan dedikasi semua pihak dengan menganjurkan **Majlis Apresiasi Kebahagiaan Warga Petaling Jaya** bertempat di Dewan Banquet, MBPJ hari ini.

Majlis yang julung kali diadakan ini dihadiri sekitar **700 orang** yang terdiri daripada Ahli Majlis, Rakan Strategik, wakil agensi kerajaan, swasta, pemaju, Persatuan Penduduk (RA), Rukun Tetangga (RT) serta warga kerja MBPJ. Kehadiran semua pihak mencerminkan semangat kerjasama dan kebersamaan dalam mencapai kemajuan di Petaling Jaya.

Objektif penganjuran majlis ini adalah sebagai platform untuk MBPJ menzahirkan penghargaan kepada seluruh warga Petaling Jaya yang sentiasa bersama Majlis dalam merangka, memberi idea serta pelaksanaan dalam setiap aspek pembangunan bandar. Usaha ini telah membolehkan MBPJ meraih sebanyak **28 anugerah berprestij** sepanjang tahun 2024 (rujuk senarai anugerah di **Lampiran**)

Antara pengisian utama majlis ialah segmen **PJNet Chat** yang akan mengupas pelbagai aspek antaranya **pendidikan, kesihatan dan keusahawanan**. Selain itu, turut diadakan **sesi penyampaian sijil penghargaan** kepada persatuan penduduk dan rakan strategik yang telah memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan hubungan komuniti serta menyumbang kepada kesejahteraan bandar. Penghargaan ini merupakan tanda penghormatan dan terima kasih MBPJ kepada mereka yang sentiasa menyokong usaha pembangunan mampan di Petaling Jaya.

Datuk Bandar Petaling Jaya, YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, dalam ucapannya menyatakan bahawa sebanyak **RM8.39 juta** telah diperuntukkan bagi tahun 2025 untuk pelaksanaan program kemasyarakatan kepada penduduk di Petaling Jaya khususnya.

"Matlamat Majlis untuk mewujudkan sebuah komuniti yang selamat, sihat dan bersatu padu serta kaya dengan budaya di Petaling Jaya akan direalisasikan menerusi tawaran **Geran Komuniti PJ Social Environment Economy Development (PJ S.E.E.D)** dengan peruntukan berjumlah **RM700,000.00**.



Selain itu, Majlis juga akan memfokuskan kepada penambahbaikan kemudahan awam untuk memastikan bandar raya ini menjadi lokasi yang sesuai untuk didiami, bekerja dan dilawati," katanya.

Besar harapan Majlis dengan inisiatif seumpama ini akan memberi inspirasi serta dorongan kepada semua untuk bersama-sama memainkan peranan dan menggembeng tenaga untuk meningkatkan kualiti hidup dan kebahagiaan di Petaling Jaya.

LAMPIRAN

ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN 2024

BIL.	NAMA ANUGERAH	TARIKH
PERINGKAT NEGERI		
1.	Johan Piala FA Wanita Selangor 2024	23 Jun 2024
2.	Anugerah Usahawan Mikro Digital Selangor	12 Julai 2024
3.	Anugerah Peserta Terbaik U-PLATS Digital	12 Julai 2024
4.	Johan Anugerah Inovasi Negeri Selangor Kategori Sektor Awam (AINS-SA) Trek Infrastruktur	7 Oktober 2024
5.	Anugerah Khas Inovasi Digital Terbaik Anugerah Inovasi Negeri Selangor Kategori Sektor Awam (AINS-SA)	7 Oktober 2024
6.	<i>Silver Award</i> Bagi Penilaian Lawatan Tapak Anugerah Inovasi Negeri Selangor Kategori Sektor Awam (AINS-SA)	7 Oktober 2024
7.	Bandar Paling Mampan 2024 Kategori Bandaraya Program Pengukuran Bandar Mampan (MURNInets) Sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2024 Peringkat Negeri Selangor	20 Oktober 2024
8.	Bandar Paling Bahagia 2024 Program Pengukuran Bandar Mampan (MURNInets) Sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2024 Peringkat Negeri Selangor	20 Oktober 2024
PERINGKAT KEBANGSAAN		
1.	Johan Kejohanan <i>Walking Football</i>	28 Januari 2024
2.	Bandar Paling Bahagia 2024	15 Mac 2024
3.	Anugerah <i>Malaysia Landscape Architects Awards Honour Award 2024</i> Bagi <i>Government Category – Green Initiatives Awards</i> Melalui Projek <i>Inclusive Park For People With Disabilities</i>	11 Mei 2024
4.	<i>Royal Floria Garden Award, Government Garden (Silver)</i>	22 Ogos 2024
5.	<i>Royal Floria Garden Starlight Award, Government Garden (Bronze)</i>	22 Ogos 2024
6.	Anugerah <i>Green Leadership</i> Kategori Pihak Berkuasa Tempatan	2 Oktober 2024
7.	<i>National Scroll of Honour Award for Human Settlements (NSOHA) 2024</i> Bagi Projek <i>Child Friendly City Petaling Jaya for Greatest Youth</i>	6 Oktober 2024

	<i>Engagement Toward Better Urban Future</i> Sempena Majlis Pelancaran Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Malaysia Tahun 2024	
8.	Johan Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Cemerlang Kempen Kesihatan Persekitaran Bagi Tahun 2024 Untuk Kategori Kempen Cegah Wabak Denggi 2024	8 Oktober 2024
9.	Tempat Kedua Kategori Bandaraya Anugerah Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2024	26 Oktober 2024
10.	Anugerah Bandar Paling Mampan 2024	28 Oktober 2024
11.	Anugerah Persekitaran Mesra Kanak-kanak Terbaik 2024	28 Oktober 2024
12.	Anugerah Khas Amalan Perancangan Terbaik YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan	28 Oktober 2024
13.	Penghargaan <i>Anti-Bribery Management Systems Complying to ISO 37001:2016 MS ISO 37001:2016</i> Bagi Tahun 2023	7 November 2024
14.	Anugerah Mesra Keluarga Tahun 2024 Kategori Pihak Berkuasa Tempatan	9 November 2024
15.	<i>Gold Merit Award for a Excellent OSH Performance in 2023</i>	11 November 2024
16.	<i>President Award - Outstanding Leadership in Occupational Safety and Health</i>	11 November 2024
17.	<i>1st Runner Up</i> Kategori <i>Best ICT Optimised Green Data Centre Award</i>	28 November 2024
18.	Naib Johan Tarian Rampaian Tradisional Melayu Festival Anak Seni MAKSAM (FASIM) 2024	27 Disember 2024
PERINGKAT ANTARABANGSA		
1.	<i>Region Smart City Awards, Best Project (X- SDI) Awards</i>	26 September 2024
2.	<i>Gold Award International Convention on Quality Control Circles (IQCC) 2024 Sri Lanka</i>	12 November 2024

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL :

Ruj. Kami: **MBPJ.UKK.100-9/1/7 (2)**

Tarikh: **14 Januari 2025**

PENGUATKUASAAN PEMBUANGAN SAMPAH SECARA HARAM DI PETALING JAYA

Pemerkasaan aspek perundangan dan penguatkuasaan memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan *Way Forward* sesebuah organisasi ke arah menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan yang efisien kepada penduduknya. Penguatkuasaan aspek perundangan dan penguatkuasaan ini juga adalah selari dengan perkara 16, *Sustainable Development Goals (SDG)* iaitu *Peace, Justice and Strong Institutions* serta mewujudkan tadbir urus S.M.A.R.T yang berkesan melalui 19/25 Rancangan Selangor 1 (RS-1) serta Pelan Strategik PJSSR 2030 bagi mewujudkan pihak berkuasa tempatan yang berprestasi tinggi melalui pelaksanaan dasar dan polisi yang berkesan.

Majlis telah melaksanakan program ***PJ Watch*** yang bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada orang awam khususnya penduduk Petaling Jaya bahawa menjaga kebersihan adalah tanggungjawab kolektif secara bersama. Inisiatif ini merangkumi serampang 2 mata iaitu **memberikan pendidikan berkaitan kepentingan menjaga kebersihan serta menguatkuasakan undang-undang** ke atas orang awam yang membuang sampah di merata tempat. Hebahan berkaitan program ini juga telah dibuat di media sosial MBPJ dan papan iklan elektronik sekitar Petaling Jaya.

Bermula 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2024, pihak Majlis telah melaksanakan sebanyak **594 tawaran kompaun, 4 tindakan sitaan kenderaan dan 2 tindakan pendakwaan mahkamah** kepada individu dan pemilik premis yang ingkar dan membuang sampah di lokasi yang tidak dibenarkan. Di bawah UUK 5(1) Undang-undang Kecil Mencegah Kekotoran (MPPJ) 1999, tiada sesiapa pun boleh melakukan atau menyebabkan dilakukan apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang boleh mendatangkan kekotoran di mana-mana kawasan, premis, bangunan dan lain-lain tempat sama ada di mana-mana tempat awam ataupun tempat persendirian. Mereka yang melanggar peraturan ini boleh dikenakan kompaun tidak melebihi satu ribu ringgit dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau satu tahun penjara atau kedua-duanya serta sitaan ke atas mana-mana kenderaan atau apa-apa alat yang digunakan untuk membuang sampah.



MBPJ turut melaksanakan pemantauan melalui *Mobile* CCTV. Ketika ini, Majlis mempunyai sebanyak **19 unit *Mobile* CCTV** dan tambahan sebanyak **8 unit *CCTV*** di beberapa lokasi *hotspot* pembuangan sampah haram seperti di Jalan PJU 1A/7, Jalan SS 20/11, Jalan PJS 1/21A, Jalan 18/17 termasuk di kawasan-kawasan lembangan sungai bagi memantau aktiviti pembuangan sampah haram serta mengenal pasti pelaku. Di samping itu, anggota penguatkuasa juga melaksanakan **pemantauan dan rondaan dalam tempoh 24 jam** di lokasi *hotspot* pembuangan sampah haram tersebut.

Sehubungan itu, Majlis berharap masyarakat Petaling Jaya sentiasa cakna dalam memastikan kebersihan sentiasa terpelihara dan membuang sampah di tempat yang telah ditetapkan dalam memastikan bandar raya Petaling Jaya bersih dan indah. Majlis juga amat mengalualukan orang awam menyampaikan maklumat berkaitan pembuangan sampah haram melalui *hotline* aduan MBPJ di talian 03-79542020.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (3)

Tarikh: 15 Januari 2025

MBPJ PERKASA PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT KEPADA 110 PELAJAR

Seramai **110 pelajar** kurang berkemampuan diraikan dalam **Majlis Penganugerahan Sijil Tamat Kursus Program “Lifelong Learning IT (LIT) & Lifelong Learning IT Softskill (LITS) 2024”** yang berlangsung di Dewan Banquet, MBPJ hari ini.

Menyedari kepentingan teknologi maklumat (IT) sebagai medium pembelajaran dan kemahiran masa hadapan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan Program LIT dan LITS untuk memperkasa pelajar terutamanya dari golongan B40 termasuk pelajar Orang Asal.

Program yang berlangsung dari 23 April 2024 hingga 8 Oktober 2024 ini bertujuan menyediakan pendedahan asas kepada penggunaan perisian seperti **Microsoft Office Word, Excel, dan PowerPoint**. Inisiatif ini bertujuan membantu pelajar menguasai kemahiran asas IT yang penting untuk keperluan pembelajaran di sekolah dan selepas tamat pendidikan formal.

Datuk Bandar Petaling Jaya, YBr. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, dalam ucapannya menekankan bahawa modul program LIT direka khusus untuk keperluan semasa selaras dengan Agenda *Sustainable Development Goals* (SDGs). Program ini juga memenuhi matlamat SDGs ke-4 iaitu Pendidikan Berkualiti.

“Program LIT melibatkan **80 orang pelajar** sekolah rendah dari lima buah sekolah di sekitar Petaling Jaya meliputi empat sesi pembelajaran dengan penyertaan 10 tenaga pengajar berpengalaman dari Jabatan Teknologi Maklumat MBPJ,” katanya.

MBPJ juga memperluas penglibatan pelajar dari sekolah menengah melalui penganjuran Program LITS dengan penyertaan seramai **30 orang pelajar** dari dua buah sekolah iaitu **Sekolah Menengah Kebangsaan Lembah Subang** dan **Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Datuk Harun** yang memberi fokus kepada penyelenggaraan dan pembaikan komputer.

Program yang telah bermula sejak tahun 2021 ini merangkumi lima sesi pembelajaran intensif dan disokong oleh lapan tenaga pengajar berkemahiran tinggi. Pelajar dilatih dalam pemasangan komponen Unit Kawalan Pusat (CPU) dan pengendalian permasalahan komputer serta membekalkan mereka dengan kemahiran praktikal yang relevan.

Pada majlis tersebut, MBPJ turut menyerahkan sumbangan komputer kepada dua buah sekolah menengah yang terlibat dengan Program LITS. Diharapkan dengan adanya program seumpama ini dapat menyuntik semangat pelajar untuk mempelajari dan meningkatkan kefahaman IT demi kegunaan dan manfaat masa hadapan.

Untuk makluman, Petaling Jaya telah dinobatkan antara 10 bandar di dunia sebagai penerima Anugerah Bandar Pembelajaran Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada tahun 2019 susulan pencapaian dan kemajuan yang ditempa dalam sektor pendidikan.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling
Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya,
twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544
sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري فتاليغ جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (4)

Tarikh: 18 Januari 2025

MBPJ AGIH SUMBANGAN SEMPENA SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2025

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) meneruskan inisiatif tanggungjawab sosialnya bagi edisi tahun ini dengan menganjurkan **Majlis Penyampaian Sumbangan Tahun Baru Cina 2025** bertempat di Kompleks Sukan Arena, Petaling Jaya hari ini.

Inisiatif tahunan ini bertujuan menyampaikan sumbangan kepada masyarakat kurang berkemampuan sempena sambutan Tahun Baru Cina yang bakal tiba di samping memupuk semangat muhibbah dan inklusiviti dalam kalangan masyarakat majmuk di Petaling Jaya.

Menurut Datuk Bandar Petaling Jaya, YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, majlis ini memberikan peluang kepada MBPJ menyantuni golongan rentan serta menyumbang kembali kepada komuniti.

“Perayaan Tahun Baru Cina bukan sekadar tradisi dan sambutan tetapi juga peluang untuk kita berbakti serta membantu mereka yang memerlukan. Program seperti ini mencerminkan semangat keprihatinan dan kebersamaan MBPJ, memastikan tiada kaum yang dipinggirkan dalam usaha menyalurkan bantuan dan sumbangan,” katanya.

Sumbangan berbentuk **wang tunai RM300.00** disampaikan kepada **100 orang penerima** berbangsa Cina daripada golongan B40. Penerima terdiri daripada warga emas, ibu tunggal dan miskin bandar berkelayakan yang dipilih berdasarkan data e-kasih dari seluruh kawasan Petaling Jaya.

Program ini mencerminkan komitmen MBPJ dalam membantu golongan rentan serta menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan masyarakat sejajar dengan sasaran Kerajaan Negeri melalui **Rancangan Selangor Pertama**, di bawah strategi kedua: *Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial*.

MBPJ berharap usaha ini dapat meringankan beban para penerima dan membolehkan mereka menyambut perayaan Tahun Baru Cina dengan penuh kegembiraan.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media

Unit Komunikasi Korporat,

Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)



مجلس بنداراي فتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (5)

Tarikh: 24 Januari 2025

MBPJ MEMACU TRANSFORMASI BANDAR MESRA USIA MENUJU STATUS NEGERI 'SUPER-AGED'.

Negeri Selangor kini berada dalam fasa peralihan demografi dengan populasi yang semakin menua dan diunjurkan mencapai status negeri 'Super-Aged' menjelang tahun 2040. Mendepani cabaran ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan persekitaran mesra usia bagi memastikan kesejahteraan semua lapisan masyarakat, khususnya warga emas.

Sebagai manifestasi komitmen ini, MBPJ mengadakan **Majlis Penyerahan Sijil Penyertaan Petaling Jaya WHO Global Network for Age-Friendly Cities and Communities (GNAFCC)** hari ini bertempat di Bilik Gerakan, Ibu Pejabat MBPJ.

Rangkaian Global untuk Bandar dan Komuniti Mesra Usia (GNAFCC) telah ditubuhkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2010 untuk menyatukan bandar, komuniti dan organisasi dari seluruh dunia dengan visi bersama iaitu menjadikan komuniti mereka tempat yang ideal untuk penuaan. Sehingga kini, rangkaian ini mempunyai lebih 1,300 ahli dari 51 negara.

Datuk Bandar Petaling Jaya, YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, dalam ucapan beliau menyatakan bahawa penyertaan Petaling Jaya dalam GNAFCC mengukuhkan statusnya sebagai salah sebuah bandar raya terkehadapan di Malaysia yang proaktif dalam merancang strategi serta melaksanakan tindakan bagi memberi manfaat kepada komuniti warga emas.

“Sukacita untuk saya kongsi bahawa MBPJ akan melaksanakan satu kajian penilaian asas berkaitan warga emas di Petaling Jaya. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang komprehensif mengenai demografi dan kadar pertumbuhan warga emas selain meneliti aspek sosioekonomi, kesihatan dan kesejahteraan mereka.

“Kajian ini juga akan menilai tahap akses sedia ada terhadap perumahan, perkhidmatan kesihatan, kemudahan awam, serta program-program sokongan lain yang sememangnya diperlukan oleh golongan rentan ini,” katanya.

MBPJ telah melancarkan **Pelan Tindakan Warga Emas 2030** pada 17 Mei 2024 yang memberi tumpuan kepada **lima bidang fokus utama** iaitu **kesihatan, ekonomi, sosial dan keselamatan, pendidikan dan persekitaran**.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://www.facebook.com/pjcitycouncil)

MBPJ terus mengorak langkah dalam menyediakan kemudahan mesra usia serta melaksanakan pelbagai inisiatif yang memberi tumpuan kepada kesihatan, keselamatan, penglibatan sosial, dan kesejahteraan warga emas. Usaha ini seiring dengan **Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12)** dan **Rancangan Selangor (RS-1)** yang menekankan pendekatan menyeluruh untuk memperkasa golongan warga emas. Komitmen ini turut disokong oleh **blueprint Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdayatahan (PJSSR) 2030** di bawah **tematik Bandar Inklusif**.

Majlis ini turut menyaksikan **Pelancaran Logo Petaling Jaya Age-Friendly City** dan penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Reka Cipta Logo Age-Friendly City yang bertujuan memupuk kesedaran di kalangan warga kerja MBPJ tentang pentingnya persekitaran yang mesra usia.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (6)

Tarikh: 27 Januari 2025

MBPJ RAIH 4 ANUGERAH BERPRESTIJ MIPPEA 2024

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) terus mengukuhkan reputasinya sebagai perintis pembangunan bandar mampan apabila berjaya merangkul empat (4) anugerah berprestij di **Anugerah Kecemerlangan Perancangan 2024 (MIPPEA 24)**, anjuran **Malaysian Institute of Planners (MIP)**. Majlis berprestij ini telah berlangsung di Hotel Majestic, Kuala Lumpur pada 24 Januari 2025.

Pencapaian ini mengiktiraf kepimpinan cemerlang MBPJ dalam perancangan bandar, pembangunan mampan dan inovasi teknologi. Berikut adalah senarai empat (4) anugerah yang telah diterima:

1. **Bronze Award** untuk kategori *Placemaking and Public Space Award (Government Initiative)* bagi projek **Toy Library@Flora Damansara**.
2. **Silver Award** untuk kategori *Low Carbon Award (Building)* bagi projek **Perpustakaan Komuniti**.
3. **Gold Award** untuk kategori *Community Based Planning Award* bagi projek **Strategic Plan Entrepreneur**.
4. **Bronze Award** untuk kategori *Smart City Award (Smart System/Product)* bagi projek **From Online Billboard Applications to The Smart I-Billboard System**.

Anugerah ini telah diterima oleh Datuk Bandar Petaling Jaya, **YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon**, diiringi oleh Timbalan Datuk Bandar, **Tuan Aznan bin Hj. Hassan**, Timbalan Setiausaha (Pengurusan), **Tuan Mohd Fauzi bin Maarop**, Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan, **Tuan TPr. Lee Lih Shyan**, dan Pengarah Jabatan Pelesenan Pembangunan Perniagaan & Usahawan, **Pn. Hj Sharinaz binti Hj. Samsudin**.

Kejayaan ini mengukuhkan kedudukan MBPJ sebagai bandar raya contoh yang sentiasa komited dalam menggubal dasar dan melaksanakan inisiatif ke arah pembangunan bandar pintar dan mampan. MBPJ beriltizam untuk terus memperkasakan perkhidmatan yang cekap, inovatif dan berkesan bagi memenuhi jangkaan tinggi pemegang taruh serta penduduk di Petaling Jaya.



Majlis ini turut diserikan dengan penyampaian **Anugerah Felo Kehormat (MIP)** kepada Premier Sarawak, **YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg**, yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, **YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim**. Penghormatan ini diberikan atas dedikasi beliau menjadikan Sarawak sebagai negeri berpendapatan tinggi menurut laporan Bank Dunia, selain memimpin negeri tersebut ke arah ekonomi hijau dengan sasaran sifar pelepasan karbon menjelang 2030.

Dengan pengiktirafan ini, MBPJ bertekad untuk terus menjadi peneraju dalam mencipta perancangan bandar yang progresif serta menyumbang kepada kesejahteraan dan kualiti hidup warga Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695